

Bantu pelanggan jimat wang, masa

DALAM keadaan ekonomi yang tidak menentu hari ini, rata-rata individu perlu merancang pengurusan kewangan mereka dengan baik sebagai persediaan menghadapi saat getir.

Justeru, masyarakat perlu berpandangan jauh dan tidak boleh bergantung harap pada sumber pendapatan primer sahaja iaitu pekerjaan hakiki seharian. Sebaliknya, mereka boleh meneroka peluang mendapatkan pendapatan pasif menerusi cabang perniagaan atau pengembangan bakat.

Ketua Jabatan Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Putra Malaysia, Dr. Zulkarnain

Yusuf memberitahu, individu yang gemar membeli-belah atau mempunyai deria fesyen menarik boleh memanfaatkan ilmu dan kemahiran tersebut dengan membantu memberi khidmat nasihat kepada golongan yang memerlukan, atau dalam erti kata lain, bergelar seorang pembeli peribadi.

“Seorang pembeli peribadi bukan sahaja dapat memanfaatkan deria fesyen mereka dengan membantu memberi nasihat penggayaan yang bersesuaian kepada orang lain, dalam masa yang sama mereka juga mendapat

kepuasan membeli-belah tanpa perlu mengeluarkan belanja sendiri.

“Pekerjaan seperti ini bukan sahaja dapat mengelakkan pembaziran membeli barangan yang tidak diperlukan, pembeli peribadi juga berpeluang meraih pendapatan pasif sekiranya bijak meyakinkan pelanggan untuk mengikut saranan mereka sewaktu memilih pakaian atau aksesori yang diperlukan,” ujarnya sewaktu dihubungi

Kosmo! baru-baru ini.

Tambah Zulkarnain, kemudahan pembeli peribadi juga bersifat menang-menang. Tidak hanya



ZULKARNAIN

menawarkan kelebihan kepada pembeli peribadi, ia juga memberi manfaat kepada pelanggan yang menggunakan perkhidmatan tersebut.

“Pelanggan tidak perlu membazir masa dan wang tambahan semata-mata untuk ke luar negara demi mendapatkan barangan idaman mereka yang tidak didapati di Malaysia.

“Peluang membeli-belah bersama pembeli peribadi juga dapat mengelakkan risiko pengguna membeli sesuatu yang tidak diperlukan atau bersesuaian dengan mereka yang akhirnya akan tetap menjurus kepada pembaziran,” jelasnya.